

Rakyat Bersikap Pragmatik Dalam Melayari Kehidupan Bersama Melayu hargai wawasan pemimpin silam dalam membentuk sebuah negara kecil berbilang kaum

Darwis Said

Berita Harian, 2 February 2015

Menelaah dapatan tinjauan Institut Pengajian Dasar (IPS) Universiti Nasional Singapura (NUS) yang dikeluarkan baru-baru ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Singapura memahami peri pentingnya peristiwa bersejarah yang mencerminkan simbol kenegaraan dalam membina perpaduan negara dan membentuk generasi akan datang.

Keputusan mereka meletakkan kepentingan kepada dua simbol kenegaraan - penciptaan lagu kebangsaan, Majulah Singapura, pada 1958 dan ikrar negara pada 1966 - sebagai antara dua peristiwa utama dalam sejarah moden Singapura, menunjukkan betapa mereka menghargai perpaduan dan menunjukkan kebanggaannya terhadap negara ini.

Apabila ditanya sejauh mana kededua peristiwa bersejarah itu penting dalam hidup mereka, catatan respons masyarakat Melayu menunjukkan bahawa mereka memberi purata markah 4.45 mata dan 4.38 mata kepada peristiwa penciptaan lagu dan ikrar kebangsaan itu.

Satu mata mencerminkan peristiwa itu "tidak penting sama sekali" dalam kehidupan mereka dan lima mata jika ia dianggap "amat penting".

Kaum Cina memberikan purata markah 4.03 mata dan 4.15 mata bagi kededua peristiwa tersebut, manakala kaum India dan etnik lain pula memberikan purata markah 4.20 dan 4.32 mata bagi dua peristiwa yang sama itu.

Dalam hal ini, kesemua 1,516 responden pelbagai kaum diberikan senarai 50 peristiwa bersejarah di Singapura oleh sekumpulan pengkaji IPS.

Apabila kaum Melayu ditanya peristiwa bersejarah mana pula yang mereka tanggapi paling membawa kesan kepada generasi akan datang, sekali lagi dua peristiwa melambangkan simbol perpaduan dan ketahanan negara - penciptaan lagu kebangsaan (4.5 mata) dan penularan wabak Sars pada 2003 (4.49 mata) - mendahului senarai 50 peristiwa bersejarah itu.

Kaum Cina meletakkan purata markah 4.19 mata bagi peristiwa penciptaan lagu kebangsaan dan 4.42 mata bagi penularan wabak Sars, manakala kaum India memberikan markah purata 4.27 dan 4.37 mata bagi kededua peristiwa itu.

Berdasarkan dapatan tinjauan IPS yang dijalankan antara Ogos dengan Oktober tahun lalu itu, adalah jelas bahawa beberapa peristiwa mencerminkan simbol dan pencapaian pembangunan negara serta insiden mencabar yang menguji daya ketahanan rakyat dianggap berharga sekali oleh masyarakat Melayu sedang Singapura mengorak langkah ke arah pencapaian masa depan.

Mereka yakin detik-detik bersejarah seperti itu penting dalam membangunkan identiti dan semangat kewarganegaraan dan merupakan pengajaran kukuh ke arah menentukan hala tuju, perpaduan dan sikap generasi mendatang.

Tambahan, peristiwa yang ada kaitan rapat dengan sesuatu kaum itu akan lebih diingat, ditekankan dan dijadikan panduan hidup oleh kaum berkenaan.

"Rusuhan Maria Hertogh pada 1950-an dan komplot pengganasan Jemaah Islamiyah (JI), contohnya, lebih kukuh tertancap dalam ingatan kaum Melayu berbanding kumpulan kaum lain.

"Sebaliknya, kaum Cina menunjukkan ingatan lebih kukuh terhadap penggabungan Universiti Nanyang (Nantah) dengan Universiti Singapura yang berlaku pada 1980," kata ketua pengkaji Kajian IPS mengenai Tanggapan terhadap Sejarah Singapura itu, Dr Leong Chan-Hoong, ketika ditemui pada taklimat akhbar mengumumkan dapatan tinjauan IPS berkenaan, baru-baru ini.

Ia juga bermakna tidak semua kaum mengongsi satu tanggapan atau pandangan terhadap sejarah negara ini atau 'Kisah Singapura'.

Justeru, memahami pelbagai tanggapan peristiwa yang meninggalkan kesan berbeza-beza di kalangan kaum-kaum berlainan di sini amat penting demi melakar rancangan dan usaha mengukuhkan lagi perpaduan antara kaum dalam suasana negara berbilang kaum seperti Singapura.

Satu lagi, dapatan tinjauan IPS itu juga menunjukkan bahawa rakyat lebih mudah mengingati peristiwa yang berkait rapat dengan isu-isu punca pendapatan dan perbelanjaan (bread and butter) - antaranya termasuk projek pembangunan prasarana pengangkutan seperti pembukaan Lapangan Terbang Changi dan pelancaran Sistem Pengangkutan Gerak Cepat (MRT).

Rakyat Singapura umumnya masih mempamerkan sikap pragmatik dalam mendekati kehidupan bersama sebagai sebuah negara.

Namun, peristiwa berkaitan ketahanan negara, di mana rakyat Singapura berjaya mengatasi cabaran dan krisis secara bersama, tetap dilihat penting bagi memupuk semangat penyatuan dan perpaduan generasi masa depan.

Malah, dapatan tinjauan IPS itu juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu masih memikirkan dan menekankan tentang peri pentingnya segelintir idealisme yang dipupuk para pemimpin masa lalu.

Ini demi melakar dan membentuk visi jangka panjang sebuah negara kecil berbilang kaum yang sering disifatkan sekadar 'titik merah' kecil dalam peta dunia yang luas.

Para responden umumnya memberi penilaian tinggi terhadap peristiwa bersejarah, seperti keruntuhan Hotel New World dan nahas Kereta Kabel, yang banyak mempamerkan ketabahan dan daya ketahanan rakyat Singapura dalam menghadapi detik-detik genting itu.

Ia melahirkan rasa optimis dan menyajikan implikasi bahawa Pendidikan Nasional masih mampu menggalak dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat, selain membina keyakinan mereka merentasi laluan masa depan.

PERISTIWA PALING PENTING

Melayu Singapura

1. Penciptaan lagu kebangsaan 'Majulah Singapura', 1958
2. Penciptaan ikrar kebangsaan Singapura, 1966
3. Pembukaan rasmi Lapangan Terbang Changi, 1981
4. Pelancaran rasmi khidmat MRT, 1988
5. Pembentukan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), 1960
6. Peristiwa mantan Perdana Menteri, Encik Lee Kuan Yew, menangis di televisyen selepas perpisahan antara Singapura dengan Malaysia, 1965
7. Mata wang Singapura diperkenalkan, 1967
8. Pembentukan Parti Tindakan Rakyat (PAP), 1954
9. Cukai barangan dan perkhidmatan (GST) diperkenalkan, 1994
10. Projek NEWater siap, 2000

Rakyat Singapura

1. Penularan wabak Sars, 2003
2. Pelancaran rasmi khidmat MRT, 1988
3. Pembentukan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), 1960
4. Pembukaan rasmi Lapangan Terbang Changi, 1981
5. Penciptaan ikrar kebangsaan Singapura, 1966
6. Peristiwa mantan Perdana Menteri, Encik Lee Kuan Yew, menangis di televisyen selepas perpisahan antara Singapura dengan Malaysia, 1965
7. Mata wang Singapura diperkenalkan, 1967
8. Penciptaan lagu kebangsaan 'Majulah Singapura', 1958
9. Projek NEWater siap, 2000
10. Kemasukan kumpulan pertama anggota Perkhidmatan Negara, 1967

PERISTIWA PENTING BAGI GENERASI MENDATANG

Melayu Singapura

1. Penciptaan lagu kebangsaan 'Majulah Singapura', 1958
2. Penularan wabak Sars, 2003
3. Pengenalan dasar dwibahasa di sekolah-sekolah, 1966
4. Penciptaan ikrar kebangsaan Singapura, 1966

5. Pembukaan rasmi Lapangan Terbang Changi, 1981
6. Kemasukan kumpulan pertama anggota Perkhidmatan Negara, 1967
7. Rusuhan kaum, 1964
8. Pelancaran rasmi khidmat MRT, 1988
9. Mata wang Singapura diperkenalkan, 1967
10. Pembentukan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), 1960

Rakyat Singapura

1. Pelancaran rasmi khidmat MRT, 1988
2. Penularan wabak Sars, 2003
3. Pengenalan dasar dwibahasa di sekolah-sekolah, 1966
4. Penciptaan ikrar kebangsaan Singapura, 1966
5. Pembukaan rasmi Lapangan Terbang Changi, 1981
6. Pembentukan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), 1960
7. Kemasukan kumpulan pertama anggota Perkhidmatan Negara, 1967
8. Projek NEWater siap, 2000
9. Rusuhan kaum, 1964
10. Penciptaan lagu kebangsaan 'Majulah Singapura', 1958